

**KEBERKESANAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
TERHADAP MATA PELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM
SECARA DALAM TALIAN: PERSPEKTIF GURU DI
SEKOLAH MAAHAD HAFIZ, KLANG**

**THE TEACHER'S PERSPECTIVES ON THE
EFFECTIVENESS OF ONLINE TEACHING AND LEARNING
IN ISLAMIC EDUCATION SUBJECTS AT MAAHAD HAFIZ
KLANG**

Muhammad Hafiy bin Abdul Rashid

Fakulti Pendidikan dan Sain Sosial

Universiti Selangor, Jalan Timur Tambahan 45600 Bestari Jaya

Selangor Darul Ehsan Malaysia

Email:muhammadhafiy63@gmail.com

Mumtazah binti Narowi

Pusat Pengajian Asasi dan Umum

Universiti Selangor, Jalan Timur Tambahan 45600 Bestari Jaya

Selangor Darul Ehsan Malaysia

Email:azah83my@unisel.edu.my

ABSTRAK

Pandemik COVID-19 telah memberikan suatu impak terhadap pengajaran dan pembelajaran (P&P) diperingkat sekolah mahupun institusi pengajian tinggi. Larangan pelajar untuk ke sekolah disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mendorong pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyediakan Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) sebagai alternatif pembelajaran norma baru. Bagi mata pelajaran Pendidikan Islam yang mempunyai pelbagai topik seperti ibadah, fekah dan sebagainya yang di ajar secara dalam talian, mempunyai cabaran dalam memberikan kefahaman kepada pelajar terutama penilaian yang bersifat amali. Selain itu, kehadiran dan komitmen pelajar dalam sesi pembelajaran juga merupakan suatu perkara yang perlu diberi perhatian dalam keberkesanan pengajaran dan pembelajaran ini. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam talian bagi mata pelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Maahad Hafiz, Klang. Kajian ini juga mengkaji perspektif guru terhadap kaedah P&P dalam talian terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam serta menganalisis keberkesananannya. Kajian deskriptif ini menggunakan data kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kepustakaan digunakan bagi

menganalisa dokumen seperti laporan-laporan dan pekeliling dari KPM. Kaedah temu bual semi-struktur turut digunakan dalam kajian ini terhadap 2 orang guru yang dipilih. Data kuantitatif diperoleh menggunakan kaedah soal selidik terhadap 12 orang guru di Sekolah Maahad Hafiz, Klang. Data kajian ini dianalisis dengan menggunakan kaedah kekerapan, peratusan dan min serta pengujian statistik menggunakan perisian Statistical Package For The Social Science (SPSS) versi 22.0. Hasil kajian menunjukkan bahawa 100% penggunaan aplikasi Google Meet menjadi pilihan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran berbanding aplikasi yang lain. Kajian ini juga mendapati keberkesanan pengajaran & pembelajaran secara dalam talian adalah tinggi dengan min 3.99. Walau bagaimanapun, guru lebih memilih kaedah bersemuka berbanding secara dalam talian. Guru juga bersetuju bahawa pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian dijadikan sebagai satu platform baru dalam pendidikan walaupun kaedah ini mempunyai banyak cabaran kepada guru dari segi kebolehcapaian internet, keprihatinan pelajar dalam kelas dan cara penyampaian guru dalam memberikan kefahaman kepada pelajar.

Kata Kunci: Keberkesanan, Pengajaran, Pendidikan Islam, KPM, Dalam Talian

ABSTRACT

The COVID-19 pandemic had an impact on teaching and learning (P&P) at schools and higher institutions. The closing of schools due to the Movement Control Order (MCO) had prompted the Ministry of Education Malaysia (MOE) to prepare a Teaching and Learning at Home Manual (PdPR) as an alternative to learning in the new norms. Practical assessment in Islamic Education subjects is a challenge in providing understanding to students such as servitude (Ibadah), Islamic Jurisprudence (fikh), etc. In addition, the attendance and commitment of students in learning sessions are the matters that need to be given attention to in observing the effectiveness of the teaching and learning. Thus, this study aims to identify the online teaching and learning methods for Islamic Education subjects in Maahad Hafiz School, Klang. This study also examines the teachers' perspectives on online teaching and learning methods (P&P) on Islamic Education subjects and analyzes the effectiveness. This descriptive study will be using both qualitative and quantitative data. Library method was used to analyze documents such as reports and circulars from the MOE. A semi-structured interview method was also used in this study on two selected teachers. The quantitative data was obtained using a questionnaire method on 12 teachers at Sekolah Maahad Hafiz, Klang. The data of this study were analyzed using frequency, percentage, and mean methods by statistical testing using Statistical Package For The Social Science (SPSS) version 22.0. The result shows that all of the teachers prefer to use of the Google Meet application in their teaching and learning process as compared to other applications. The study also found that the effectiveness of online teaching & learning was high with the mean of 3.99. Nevertheless, all of the teachers prefer the face-to-face method rather than the online method. The teachers also agreed that online teaching and learning must be made as a new platform in education even though there are many challenges for the teachers

in applying this method such as the accessibility of the internet, students' awareness in the classroom, and the teachers' delivery in assuring the students' comprehension.

Keywords: Effectiveness, Teaching, Islamic Education, MOE, Online

1. PENDAHULUAN

Strategi pengajaran yang pelbagai merupakan suatu elemen penting dalam menghadapi cabaran mendidik pelajar generasi muda pada masa kini. Guru Pendidikan Islam perlu menguasai pelbagai kemahiran pengajaran dan pembelajaran agar matlamat sistem Pendidikan Islam tercapai untuk memberikan kemahiran, pengetahuan dan penghayatan Islam agar menjadi insan yang bertakwa kepada Allah swt. Guru Pendidikan Islam masa kini perlu lebih kreatif dalam menyediakan platform pengajaran yang bersesuaian dengan era globalisasi ini seperti pengajaran berasaskan komputer serta penyediaan laman sesawang.¹

Walaupun terdapat beberapa kaedah yang dilaksanakan oleh guru Pendidikan Islam namun ia tetap menjadi satu cabaran terutama dalam norma baharu pandemik COVID-19. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil inisiatif baharu dengan menyediakan satu Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) yang bertujuan untuk membantu proses pengajaran dan pembelajaran sebagai salah satu alternatif pembelajaran norma baharu. Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) ialah suatu proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dilaksanakan di rumah atau pusat komuniti atau di mana-mana lokasi yang bersesuaian secara dalam talian atau luar talian dan juga secara *off-site* dengan berstruktur dan terancang.²

Namun begitu, kaedah tersebut tetap memberikan cabaran kepada guru dan pelajar terutama kebolehcapaian internet dan peralatan seperti komputer atau komputer riba, telefon pintar dan lain-lain.³ Bagi pelajar yang tidak berkemampuan untuk memiliki peralatan pintar akan memberikan kesan terhadap pembelajaran mereka. Cabaran ini bukan sahaja kepada ibu bapa malah kepada guru. Kehadiran pelajar turut berkurangan semasa PdPR dan ia memberikan kesan terhadap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.⁴ Situasi ini menyebabkan guru perlu lebih kreatif dalam menjalankan pengajaran supaya penyampaian lebih berkesan dan difahami oleh pelajar. Keadaan ini juga amat sukar bagi guru Pendidikan Islam terutama

¹ Tamuri, A. H & Nik Yusoff, N. M. R. (2010). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. UKM Press, 38

² Kementerian Pendidikan Malaysia (2020). *Manual Pengajaran dan Pembelajaran dari Rumah*. Retrieved from: <https://www.moe.gov.my/muat-turun/lain-lain/manual-pdp-di-rumah/3727-manual-pdpr/file>

³ Ehwan Ngadi (2021). *COVID19: Implikasi Pengajaran dan Pembelajaran Atas Talian*. Retrieved from: <https://www.usim.edu.my/news/in-our-words/covid19-implikasi-pengajaran-dan-pembelajaran-atas-talian/>

⁴ Bernama (2021). *Pdpr: Cabaran guru, pelajar dan ibu bapa*. Retrieved from: <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/01/667475/pdpr-cabaran-guru-pelajar-dan-ibu-bapa>

menilai pelajar dari sudut amali yang melibatkan praktikal ibadah. Ia turut menjadi satu cabaran terhadap penilaian tasmik hafazan al-Quran oleh pelajar.⁵

Sekolah Maahad Hafiz, Klang turut terkesan dengan situasi ini dan proses pengajaran dan pembelajaran turut dilaksanakan secara dalam talian. Ia merupakan suatu cabaran baharu kepada guru dan pelajar dalam menghadapi proses pengajaran dan pembelajaran dalam era norma baharu ini.

Menurut Kamarul Azmi dan Ab Halim Tamuri (2007), peranan guru Pendidikan Islam di sekolah adalah dengan memberi pendidikan yang sempurna bagi mendidik generasi muda.⁶ Walau bagaimanapun, guru-guru Pendidikan Islam juga berhadapan dengan cabaran mendidik generasi muda pada era norma baharu ini. Kaedah secara bersemuka yang merupakan suatu kaedah yang berkesan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran⁷ telah diambil alih oleh kaedah baharu disebabkan pandemik COVID-19. Kaedah pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian turut di aplikasikan di Sekolah Maahad Hafiz Klang yang turut terkesan akibat isu pandemik ini.

Hal Ini kerana, kemahiran asas bagi pengajaran Pendidikan Islam yang perlu dikuasai oleh seseorang guru adalah meliputi latihan amali. Bagi pengukuran amali solat, ibadah dan fardu 'ain agak sukar untuk di laksanakan secara dalam talian kerana ia memerlukan penilaian praktikal secara bersemuka untuk membuat penilaian kepada pelajar yang lebih tepat. Selain itu, penilaian ujian tasmik al-Quran secara dalam talian juga merupakan cabaran kepada guru terutama pada tahap integriti pelajar. Keberadaan pelajar yang kurang memberangsangkan semasa pembelajaran dalam talian juga turut menyumbang kepada tahap keberkesanan suatu pengajaran⁸.

Selain itu, guru hendaklah mempunyai strategi pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dan terkini dengan situasi norma baharu ini dalam menghadapi cabaran mendidik serta membangunkan generasi hari ini. Kajian ini akan meneliti kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan di Sekolah Maahad Hafiz Klang serta tahap keberkesanan kaedah tersebut menurut perspektif guru. Justeru, objektif kajian adalah seperti berikut:

⁵ Ismail, A., Osman, K. & Hassan, N. H. (2020). Cabaran Pengajaran Dan Pembelajaran Tasmik Hafazan Al-Quran Secara Atas Talian Sewaktu Pandemik Covid-19. *Bicara Dakwah Kali Ke 21: Dakwah Dalam Talian Semasa Pandemik*. 110-116. Retrieved from: <http://www.ukm.my/bicaradakwah/wpcontent/uploads/2020/11/BD21-10.pdf>

⁶ Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim (2007). *Pendidikan Islam, Kaedah Pengajaran & Pembelajaran.*, Johor Cetak Ratu Sdn. Bhd, 28.

⁷ Ismail. A. (2018). Strategi Pengajaran Pendidikan Islam Di Sekolah Menengah Daerah Besut, Terengganu. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 10(2), 11-21. Retrieved from: <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PERS/article/view/1782>

⁸ Abdul Rahman, M.H., Marzuki, M., Mohd Nor, M.N., Kaspin, K.G., Jamal, M.B. & Othman, I.W. (2021). Adab Guru dan Pelajar dalam Pengajaran dan Pembelajaran Secara dalam Talian Ketika Pandemik COVID-19. *Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions*, 6(39), 223-234. Retrieved from: <http://www.ijepc.com/PDF/IJEPc-2021-39-05-15.pdf>

1. Mengenal pasti kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam secara dalam talian di Sekolah Maahad Hafiz, Klang.
2. Mengkaji perspektif guru terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian
3. Menganalisis perspektif guru terhadap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam secara dalam talian

2. METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian yang dijalankan ini merupakan suatu kajian berbentuk deskriptif yang merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Kajian deskriptif ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan pengajaran dan pembelajaran terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam secara dalam talian berdasarkan kepada perspektif guru di Sekolah Maahad Hafiz, Klang. Kajian ini merangkumi data kualitatif dan kuantitatif.

Data kualitatif merangkumi kaedah kepustakaan dan temubual. Kaedah kepustakaan menajadi rujukan pengkaji, apabila digunakan bagi menganalisa dokumen seperti laporan-laporan dan pekeliling dari KPM untuk memperkuatkan lagi penambahbaikan dalam kajian. Kaedah temu bual dipilih dalam kajian ini kerana ia merupakan satu proses interaksi dari dua orang atau lebih untuk mendapatkan maklumat yang lebih khusus.⁹ Bentuk temu bual yang akan dijalankan adalah temu bual semi-struktur. Bentuk temu bual ini membenarkan pengkaji untuk menambah soalan berbanding yang telah disediakan bagi membolehkan pengkaji mendapat data yang lebih terperinci.¹⁰ Seramai 2 orang guru Pendidikan Islam terlibat dalam sesi temubual bagi kajian ini. Dua orang informan terlibat dalam kajian ini yang merupakan guru Pendidikan Islam di Sekolah Maahad Hafiz Klang. Informan pertama adalah merupakan seorang guru yang telah berkhidmat selama 5 tahun iaitu En Hanif Bin Bahtiar. Informan kedua pula merupakan guru yang telah berkhidmat selama 3 tahun iaitu En Syamirul Bin Mohd Disa.

Selain itu, data kuantitatif diperoleh melalui kaedah soal selidik yang diedarkan kepada responden melalui *Google Form*. Menurut Majid Konting (2005), ketidakhadiran penyelidik semasa responden memberikan jawapan akan mendorong responden untuk memberikan jawapan yang lebih tepat dan benar. Kaedah persampelan bertujuan digunakan dalam kajian ini. Subjek perampelan bagi soal selidik ini ialah semua guru Pendidikan Islam iaitu seramai 12 orang guru daripada 30 orang guru di Sekolah Maahad Hafiz Klang. Soal selidik ini mengandungi 3 bahagian iaitu bahagian A, bahagian B dan bahagian C. Analisis data bagi kajian ini menggunakan perisian *Statistical Package For The Social Science (SPSS) For Windows (version 22.0)* iaitu analisis deskriptif bagi mengetahui peratusan, kekerapan, sisihan piawai dan min. Bilangan responden yang sedikit boleh menyebabkan berlakunya ralat semasa

⁹ Merican, S. (2005). *Penyelidikan Sains Sosial*. Prentice Hall, 141.

¹⁰ Chua, Y. P. (2012). *Mastering Research Method*. McGraw-Hill Education. 105.

data dianalisis. Walau bagaimanapun, penyelidik akan menggunakan kaedah *focus group discussion* sekiranya ralat berlaku semasa menganalisis data.

3. SOROTAN LITERATUR

Kaedah pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian ini merupakan suatu mekanisme baharu dalam situasi pandemik COVID-19 ini. Pelbagai aplikasi yang digunakan bagi menggantikan pembelajaran secara bersemuka. Aplikasi yang kerap digunakan adalah berbentuk persidangan seperti *Zoom, Skype, Microsoft Team, Google Hangout, Whatsapp, Google Meet* dan pelbagai lagi aplikasi ada disediakan bagi menyokong pembelajaran dalam era norma baharu ini.¹¹ Ia menjadi satu cabaran kepada guru dan pelajar terutama dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Terdapat beberapa kajian yang dilaksanakan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran terutama dalam tempoh pandemik COVID-19 ini.

Menurut Ehwan (2021), terdapat tiga implikasi utama yang menjadi satu cabaran kepada pendidik semasa proses pengajaran dan pembelajaran iaitu kebolehcapaian internet, platform pengajaran yang stabil dan pengurusan emosi serta pentaksiran secara holistik.¹² Cabaran dari segi kebolehcapaian internet ini turut dihadapi oleh pelajar dan guru terutama dalam ujian tasmik apabila guru tidak dapat mendengar bacaan pelajar dengan jelas dan pelajar sukar memfokuskan pembedaan yang dibuat oleh guru.¹³

Kesediaan guru dan pelajar juga adalah amat perlu dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam talian terutama dari aspek kemahiran teknologi. Satu kajian telah dilaksanakan terhadap guru di sekolah rendah Tamil terhadap kesediaan guru melaksanakan pengajaran secara dalam talian semasa era pandemik ini adalah tinggi. Walau bagaimanapun terdapat perbezaan yang signifikan dalam kemahiran teknologi dan kesediaan guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian berdasarkan kepada faktor pengalaman bekerja. Namun begitu, guru tetap bersedia dan mahir dalam menggunakan teknologi semasa pengajaran secara dalam talian.¹⁴

Kesediaan guru dalam melaksanakan pengajaran secara dalam talian juga merupakan salah satu faktor keberkesanan pengajaran dan pembelajaran tersebut. Menurut kajian Abu

¹¹ Hussin, R. (2021). *Pembelajaran dalam talian sebagai norma baharu*. Retrieved from: <https://www.usim.edu.my/news/in-our-words/pembelajaran-dalam-talian-sebagai-norma-baharu/>

¹² Ehwan Ngadi (2021). *COVID19: Implikasi Pengajaran dan Pembelajaran Atas Talian*. Retrieved from: <https://www.usim.edu.my/news/in-our-words/covid19-implikasi-pengajaran-dan-pembelajaran-atas-talian/>

¹³ Ismail, A., Osman, K. & Hassan, N. H. (2020). Cabaran Pengajaran Dan Pembelajaran Tasmik Hafazan Al-Quran Secara Atas Talian Sewaktu Pandemik Covid-19. *Bicara Dakwah Kali Ke 21: Dakwah Dalam Talian Semasa Pandemik*, 110-116. Retrieved from: <http://www.ukm.my/bicaradakwah/wp-content/uploads/2020/11/BD21-10.pdf>

¹⁴ Kuppusamy, Y. & Norman, H. (2021). Kemahiran Teknologi dan Kesediaan Melaksanakan Pembelajaran dan Pemudahcaraan Dalam Talian Semasa Era Pandemik Dalam Kalangan Guru di Sekolah Rendah Tamil. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3 (1), 428-441. Retrieved from: <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/12937/6671>

Hassan, S. A. (2020) terhadap pelajar di Kolej Komuniti Hulu Langat, hasil kajian menunjukkan bahawa keberkesanan pembelajaran secara dalam talian adalah pada tahap tinggi namun terdapat halangan yang dihadapi dalam pelaksanaan pembelajaran dalam talian. Walau bagaimanapun, tindakan segera perlu diambil terhadap halangan yang dihadapi agar keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dapat dipertingkatkan lagi.¹⁵ Menurut Ahmad Al-Munzir dan Mansur (2020), keperluan mengkaji tahap kesediaan pelajar bagi PdP atas talian sangat penting kerana pengaplikasian PdP secara dalam talian berlaku secara drastik, Kajian ini penting bagi memastikan objektif pengajaran boleh dicapai dan pelajar tidak ketinggalan dalam mengikuti sesi pembelajaran dengan baik.¹⁶

Menurut Salleh, M., Jamaludin, M. F., Mohd Safie, N. S. & Mohd Yusof, J. (2021), terdapat banyak kajian terdahulu yang mengenal pasti kepuasan dan kesediaan pelajar mengikuti pembelajaran secara dalam talian. Dalam kajiannya, pelajar Sains Kejuruteraan di Politeknik Sultan Ibrahim lebih menerima kaedah secara bersemuka dalam proses pembelajaran walaupun persepsi pelajar terhadap kaedah pembelajaran secara dalam talian masih dalam skala memuaskan. Namun begitu, pelajar lebih memilih pembelajaran secara bersemuka supaya mereka lebih bermotivasi dan mencapai tahap kefahaman yang baik. Walau bagaimanapun, pembelajaran dalam talian masih diterima dengan baik oleh pelajar sekiranya terdapat kemudahan peralatan seperti komputer peribadi dan aliran internet tanpa had sedia berada di rumah.¹⁷

4. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu dapatan temu bual dan soal selidik. Temu bual semi struktur merupakan kaedah kajian kualitatif yang telah digunakan dalam kajian ini. Temu bual ini dilaksanakan bagi mengukuhkan dapatan kajian terhadap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

4.1 Dapatan Temubual

Berdasarkan temu bual yang dijalankan didapati bahawa kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan sebelum berlakunya pandemik ini di Sekolah Maahad Hafiz Klang adalah secara bersemuka. Walau bagaimanapun, corak pengajaran dan pembelajaran

¹⁵ Abu Hassan, S. A. (2020). Keberkesanan Pembelajaran Dan Pengajaran Dalam Talian (E-pembelajaran) Terhadap Pembelajaran Pelajar Di Kolej Komuniti Hulu Langat. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 2(10), 1-14. Retrieved from: <https://journal.ump.edu.my/ijhtc/article/view/6241/1232>

¹⁶ Ahmad Al-Munzir Ridzuan & Mansur Nasir (2020). Kajian Tinjauan Impak Pandemik Covid-19 Terhadap Tahap Kesediaan Pelajar Kolej Komuniti Lahad Datu bagi Pembelajaran Secara Atas Talian. *Seminar Pembelajaran Sepanjang Hayat Peringkat Kebangsaan (SPSH)*, 11-20. Retrieved from: https://www.researchgate.net/publication/348317544_Kajian_Tinjauan_Impak_Pandemik_Covid-19

¹⁷ Salleh, M., Jamaludin, M. F., Mohd Safie, N. S. & Mohd Yusof, J. (2021). Tinjauan Keberkesanan Pembelajaran Secara dalam Talian Ketika Pandemik Covid-19: Perspektif Pelajar Sains Kejuruteraan Politeknik Ibrahim Sultan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 374-384. Retrieved from: <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/12591/6307>

berubah dari penggunaan buku teks dan buku latihan secara bersemuka kepada kaedah dalam talian. Aplikasi *Google Meet* digunakan sepenuhnya oleh guru di Sekolah Maahad Hafiz Klang sebagai medium pengajaran secara langsung. Guru juga menggunakan pelbagai aplikasi lain seperti *Google Drive*, *kahoot* dan sebagainya sebagai medium penilaian pelajar dan penyimpanan data. Kaedah video juga digunakan sebagai penilaian amali pelajar.

Informan juga bersetuju menyatakan bahawa pengajaran dan pembelajaran dalam talian merupakan suatu cabaran baharu bagi mereka terutama dalam kalangan guru veteran. Faktor umur merupakan salah satu faktor yang membezakan kaedah pengajaran antara guru yang lain. Guru yang dikategorikan sebagai guru veteran agak kurang pengetahuan tentang penggunaan aplikasi berbanding guru muda yang lebih mahir mengendalikan pelbagai aplikasi baharu. Selain itu, kebolehcapaian internet juga merupakan cabaran semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Hal ini kerana kebolehcapaian internet yang lemah menyebabkan sesi pengajaran dan pembelajaran akan tergendala. Ketiadaan peralatan elektronik atau peranti yang mencukupi juga merupakan cabaran dalam kelangsungan pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, guru mengalami cabaran dalam pengendalian praktikal ibadah dan tasmik al-Quran kerana ia memerlukan proses penilaian secara bersemuka. Ketelusan dalam melakukan tasmik al-Quran secara dalam talian adalah perlu bagi pelajar namun guru beranggapan bahawa pelajar jujur dalam melaksanakannya tanpa membaca dengan melihat al-Quran. Namun begitu, pelajar kini telah terdedah dengan kemahiran teknologi yang memudahkan tugas guru dalam mengendalikan kelas secara dalam talian.

Walaupun bagaimanapun, informan turut menyatakan bahawa pembelajaran secara dalam talian ini merupakan satu transformasi yang baik dalam pembelajaran bagi abad ke 20. Mata pelajaran Pendidikan Islam juga perlu bergerak seiring dengan arus kemodenan ini. Walaupun terdapat banyak cabaran dalam pengendalian kaedah dalam talian ini, informan turut menyatakan bahawa kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam talian juga berkesan dengan adanya bahan-bahan yang boleh ditunjukkan seperti video dan sebagainya. Pelajar amat berminat dengan pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan video dan animasi. Pelajar juga boleh mengulang kaji pembelajaran dengan memuat turun nota yang telah disimpan dalam aplikasi *Google Drive*. Walaupun kaedah pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian adalah baik dan berkesan namun guru tetap memilih kaedah secara bersemuka sebagai kaedah utama dalam pengajaran.

4.2 Dapatan soal selidik

Dapatan kajian bagi instrumen soal selidik pula dibincangkan dalam 3 bahagian iaitu bahagian A (latar belakang responden), bahagian B (analisis kaedah Pengajaran dan Pembelajaran dalam talian) dan bahagian C (analisis keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam talian).

Bahagian A: Latar Belakang Responden

Seramai 12 orang guru Pendidikan Islam di Sekolah Maahad Hafiz Klang telah disoal selidik. Huraian analisis kajian adalah seperti di bawah.

Jadual 1: Latar Belakang Responden

BIL	FAKTOR	KATEGORI	KEKERAPAN	%
1	JANTINA	LELAKI	9	75%
		PEREMPUAN	3	25%
2	UMUR	20-29 TAHUN	8	66.7%
		30-39 TAHUN	3	25%
		40-49 TAHUN	1	8.3%
		50 KEATAS	0	0%
3	TAHUN KERJA	1 TAHUN	3	25%
		2 TAHUN	3	25%
		3 TAHUN	2	16.7%
		4 TAHUN KE ATAS	4	33.3%
JUMLAH KESELURUHAN				

Jadual 1 di atas menunjukkan latar belakang responden. Seramai 12 orang guru yang terlibat dalam soal selidik ini iaitu 9 orang guru lelaki bersamaan dengan 75% dan 3 orang guru perempuan bersamaan 25%. Seterusnya dalam kategori umur menyatakan bahawa peringkat umur 20-29 tahun iaitu 66.7% bersamaan 8 responden, 30-39 tahun iaitu 25% bersamaan 3 responden dan 40-49 tahun iaitu 8.3% bersamaan 1 responden. Dari kategori tahun bekerja, seramai 3 orang guru iaitu 25% berkerja selama setahun, 3 orang bersamaan 25% bekerja selama 2 tahun dan 2 orang guru bersamaan 16.7% bekerja selama 3 tahun dan 4 orang guru bersamaan 33.3% berkerja lebih daripada 4 yang pertama iaitu untuk mengenal pasti kaedah pengajaran dan pembelajaran pendidikan islam secara dalam talian di Sekolah Maahad Hafiz, Klang. Responden memberi maklum balas berdasarkan jawapan 'Ya' dan 'Tidak'.

Bahagian B: Perspektif guru terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam talian.

Jadual 2: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran yang dilaksanakan di Sekolah Maahad Hafiz, Klang

BIL	ITEM	YA	%	TIDAK	%
1	Melaksanakan ujian tasmik al-Quran secara langsung dalam talian	11	91.7%	1	8.3%
2	Mempelajari Sirah Islam melalui kaedah penceritaan dalam talian	11	91.7%	1	8.3%
3	Penggunaan aplikasi seperti <i>Goggle Form</i> , <i>Quizizz</i> dan <i>kahoot</i> untuk menguji kefahaman pelajar	11	91.7%	1	8.3%
4	Penggunaan <i>Google Meet</i> sebagai applikasi pembelajaran segerak	12	100%	0	0%
5	Menggunakan lebih daripada 3 applikasi dalam satu masa untuk proses pengajaran	9	75%	3	25%
6	Kaedah rakaman video merupakan salah satu kaedah pengajaran	10	83.3%	2	16.7%
7	Pengambilan kehadiran pelajar menggunakan kaedah manual	7	58.3%	5	41.7%
8	<i>Google Classroom</i> dijadikan sebagai platform PDP iaitu penghantaran nota dan aktiviti pelajar	9	75%	3	25%
9	Menggunakan applikasi <i>Google Drive</i> untuk menyimpan kerja pelajar	10	83.3%	2	16.7%
JUMLAH KESELURUHAN		90	83.33%	18	16.67%

Berdasarkan jadual 2, majoriti kekerapan jawapan responden bagi setiap perkara adalah pada jawapan ‘Ya’ dengan peratusan melebihi 50%. Peratusan kekerapan paling tertinggi adalah pada item yang keempat dengan peratusan sebanyak 100% pada jawapan ‘ya’. Kemudian diikuti dengan item pertama, kedua dan ketiga dengan peratusan sebanyak 91.7% pada kekerapan ‘ya’. Seterusnya, item keenam dan ketujuh adalah sebanyak 83.3%, manakala item kelima dan kelapan adalah sebanyak 75% pada kekerapan ‘ya’. Walau bagaimanapun, item ketujuh mendapat peratusan sebanyak 58.3% pada kekerapan ‘ya’ yang bermaksud guru masih menggunakan kaedah manual semasa pengambilan kehadiran pelajar. Manakala kekerapan jawapan ‘tidak’ yang tertinggi adalah pada perkara tujuh iaitu 41.7% guru yang tidak menggunakan kaedah manual untuk mengambil kehadiran pelajar.

Secara keseluruhannya, kekerapan tertinggi adalah pada jawapan 'ya' iaitu sebanyak 90 dengan jumlah peratusan sebanyak 83.33%. Selebihnya adalah pada kekerapan jawapan 'tidak' iaitu sebanyak 18 dengan peratusan sebanyak 16.67%. Hal ini menunjukkan bahawa responden bersetuju dengan aplikasi yang digunakan sebagai proses pengajaran dan pembelajaran dalam talian.

Bahagian C: Perspektif guru terhadap keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran dalam talian.

Jadual 3: Perspektif guru terhadap keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran dalam talian.

BIL	ITEM	MIN	SP
1.	Penggunaan slaid pengajaran sebagai nota kepada pelajar	4.41	8.3
2.	Pengurusan masa yang efektif dalam melaksanakan kelas dalam talian	4.25	7.8
3.	Pelajar lebih mudah faham ketika pembelajaran dalam talian	3.58	7.3
4.	Pembelajaran Pendidikan Islam akan lebih menarik dan berkesan	3.91	7.6
5.	Praktikal ibadah dilaksanakan secara dalam talian	3.83	7.5
6.	Penyediaan modul merupakan satu standard untuk Pdp	4.08	8.1
7.	Pemantauan kehadiran pelajar dibuat bagi memastikan kelancaran semasa PdP	4	8.0
8.	Pelajar sentiasa menepati waktu untuk memasuki kelas dalam talian	3.9	7.6
9.	Guru memberi tugas dan latihan tambahan kepada pelajar di rumah	4	8.0
JUMLAH KESELURUHAN		3.99	

Pengukuran tahap min:

1.00 – 2.40 : lemah

2.41 – 3.80 : Sederhana

3.81 – 4.00 : Tinggi

Berdasarkan jadual 3 di atas, item 1 menunjukkan nilai min yang tertinggi iaitu 4.41. Ini menunjukkan bahawa penggunaan slaid pengajaran sebagai nota membantu dalam keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Manakala, bacaan nilai min paling rendah ialah pada item 3 iaitu 3.58 pada tahap sederhana. Pengurusan masa yang efektif dalam melaksanakan kelas secara dalam talian juga merupakan salah satu faktor keberkesanan pembelajaran secara dalam talian iaitu pada item 2 dengan min 4.25. Pada item 4 sehingga 9, min masih berada pada tahap tinggi iaitu 3.83 sehingga 4. Kaedah secara dalam talian ini menjadikan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam lebih menarik dan berkesan mendapat skor min sebanyak 3.91 dan berada pada tahap yang tinggi. Penyediaan modul juga

memberikan impak kepada tahap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam talian dan ia berada pada tahap yang tinggi dengan skor min 4.08. Pemantauan kehadiran pelajar juga adalah perlu bagi memastikan kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran mendapat skor min yang tinggi iaitu 4. Pemantau adalah perlu untuk memastikan tahap kefahaman pelajar terhadap pembelajaran dapat dicapai. Latihan dan tugas tambahan juga menjadikan pengajaran dan pembelajaran dalam talian akan lebih berkesan dengan mendapat skor min 4.

Oleh hal yang sedemikian, dapat disimpulkan bahawa keberkesanan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian di Sekolah Maahad Hafiz Klang berada pada tahap yang tinggi iaitu 3.99.

4.3 Perbincangan

Cabaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian merupakan suatu situasi baharu bagi guru di sekolah. Berdasarkan dapatan kajian ini, kebolehcapaian internet yang bagus merupakan faktor kelancaran dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Guru bersetuju bahawa peranti atau peralatan yang mencukupi untuk mengadakan sesi kelas secara dalam talian adalah penting dalam menentukan keberkesanan pengajaran tersebut.

Kajian ini menunjukkan bahawa keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam talian di Sekolah Maahad Hafiz Klang berada pada tahap yang tinggi dengan jumlah keseluruhan min 3.99. Penggunaan slaid pengajaran sebagai nota kepada pelajar merupakan kaedah pengajaran yang turut membantu dalam keberkesanan proses tersebut. Penggunaan *google meet* juga menjadi pilihan utama guru di sekolah ini dengan mendapat 100%. Dapatan ini disokong oleh hasil kajian Kearsley, Lynch, W dan Wizer, D (1995) yang menjelaskan bahawa peranan pengajar adalah faktor penting yang mempengaruhi penyertaan pelajar dalam pembelajaran dalam talian.¹⁸ Ini dikukuhkan dengan hasil temu bual dengan guru yang menyatakan bahawa pelajar kini lebih terdedah dengan penggunaan teknologi. Tambahan lagi, mata pelajaran Pendidikan Islam yang diajar secara dalam talian ini juga menjadi lebih menarik kerana adanya penggunaan teknologi yang menarik minat pelajar. Skor min yang diperolehi pada item ini adalah tinggi iaitu 3.91. Oleh itu, mereka mendapati bahawa pelajar lebih suka belajar dengan adanya teknologi berunsur animasi pada sesuatu pembelajaran tersebut. Dapatan disokong oleh Sigit Trihariyanto, Eko Supriyanto, Muthoifin dan Zahrotul Uyun (2012) yang menyatakan bahawa internet kini telah menjadi kaedah yang paling mudah dan digemari oleh golongan pelajar dan guru sebagai medium untuk menyampaikan ilmu dan mencari pelbagai maklumat berkaitan pendidikan.¹⁹

¹⁸ Kearsley, Lynch, W dan Wizer D. (1995). "The effective & impact of online learning in graduate education." *Education Technology*, 37-42.

¹⁹ Sigit Trihariyanto, Eko Supriyanto, Muthoifin, Zahrotul Uyun (2012). Strategi Pembelajaran Inovatif Pendidikan Agama Islam Dengan Media Powerpoint dalam Meningkatkan Mutu Pendidikan di Sdit Muhammadiyah Sinar Fajar Cawas dan Sd Muhammadiyah Pk Baya. *Jurnal Studi Islam*, 21(1), 109-120. Retrieved from: <http://journals.ums.ac.id/index.php/profetika/article/download/11653/5831>

Seterusnya, aspek praktikal ibadah yang dilakukan secara dalam talian mendapat skor min 3.83 yang juga pada tahap tinggi. Praktikal ibadah ini termasuk cara solat dan juga tasmik al-Quran. Ini menyukarkan guru untuk menilai pelajar dan beranggapan pelajar jujur dalam ujian tasmik kerana ujian ini pelajar tidak boleh melihat al-Quran untuk membacanya. Menurut Norhidayati (2020), proses tasmik hanya bergantung kepada kejujuran pelajar dan adalah amatlah perlu dilaksanakan secara bersemuka.²⁰

Dalam menentukan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam talian, pemantauan kehadiran pelajar adalah perlu. Ini disokong oleh guru dengan mendapat skor min 4 pada tahap yang tinggi. Komitmen pelajar adalah amat perlu dan dikaitkan dengan sifat sendiri yang perlu ada pada seorang individu. Menurut Mohd Najib. H, Abu Bakar. N. R & Othman. N. (2016), kaedah pembelajaran dalam talian juga membolehkan pelajar mengawal aspek waktu dan tempat belajar kerana kaedah ini dikategorikan sebagai mod pembelajaran sepanjang hayat.²¹

5. KESIMPULAN DAN CADANGAN

Dalam kajian ini penyelidik mencadangkan supaya diwujudkan satu modul Pendidikan Islam khas bagi kaedah pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian. Ini bertujuan untuk penyeragaman kaedah pengajaran dan pembelajaran oleh guru Pendidikan Islam di Malaysia. Modul secara dalam talian merupakan satu medan transformasi yang menjadikan suatu perubahan dalam dunia pendidikan agar sentiasa di bawah arus pemodenan.

Seterusnya, guru Pendidikan Islam perlu diberikan kursus khas untuk memajukan diri dalam dunia pendidikan secara dalam talian. Seperti sedia maklum, kebanyakan guru yang sudah berumur kurang berminat akan teknologi masa kini jika tiada pendedahan yang baik kepada mereka. Hal ini kerana pelajar-pelajar lebih berminat dengan teknologi masa kini termasuklah dalam dunia pembelajaran. Penyelidik juga mencadangkan supaya adanya satu aplikasi dalam talian yang baik dan menarik bagi sesi pengajaran dan pembelajaran kerana ia sangat membantu guru dan pelajar.

Kaedah pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian yang diaplikasikan oleh guru di sekolah Maahad Hafiz Klang memberikan cabaran kepada guru Pendidikan Islam. Namun disebabkan desakan semasa, para guru Pendidikan Islam perlu berhadapan dengan situasi ini demi kelangsungan pembelajaran pelajar. Penggunaan aplikasi seperti *google meet* menjadi salah satu pemudah cara dalam proses pengajaran dan pembelajaran supaya ilmu yang disampaikan berkesan. Walaupun kaedah secara bersemuka lebih berkesan namun dalam

²⁰ Nor Hidayati Mokhtar (2020). *Pembelajaran Atas Talian Untuk Pembelajaran Sepanjang Hayat*. Retrieved from: <https://news.utm.my/ms/2020/04/pembelajaran-atas-talian-untuk-pembelajaran-sepanjang-hayat/>

²¹ Mohd Najib. H, Abu Bakar. N. R & Othman. N. (2016). *E pembelajaran dalam kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi*. [Pembentangan Kertas Kerja]. The 3rd International Conference on Management & Muamalah 2016 (3rd ICoMM). Kolej Universiti Islam Anatarabangsa Selangor, 182-194. Retrieved from: <http://conference.kuis.edu.my/icomm/3rd/e proceedings/IC-018.pdf>

situasi pandemik ini, proses pengajaran dan pembelajaran perlu dilaksanakan menggunakan medium lain supaya pelajar dapat mengikut sesi pembelajaran di rumah.

REFERENCES

- [1] Abu Hassan, S. A. (2020). Keberkesanan Pembelajaran Dan Pengajaran Dalam Talian (Epembelajaran) Terhadap Pembelajaran Pelajar Di Kolej Komuniti Hulu Langat. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 2(10), 1-14. Retrieved from: <https://journal.ump.edu.my/ijhtc/article/view/6241/1232>
- [2] Ahmad Al-Munzir Ridzuan & Mansur Nasir (2020). Kajian Tinjauan Impak Pandemik Covid-19 Terhadap Tahap Kesediaan Pelajar Kolej Komuniti Lahad Datu bagi Pembelajaran Secara Atas Talian. *Seminar Pembelajaran Sepanjang Hayat Peringkat Kebangsaan (SPSH) 2020*. (pp. 11-20) Retrieved from: https://www.researchgate.net/publication/348317544_Kajian_Tinjauan_Impak_Pandemik_Covid19_Terhadap_Tahap_Kesediaan_Pelajar_Kolej_Komuniti_Lahad_Datu_Bagi_Pembelajaran_Secara_Atas_Talian
- [3] Bernama (2021). *Pdpr: Cabaran guru, pelajar dan ibu bapa*. Retrieved from: <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/01/667475/pdpr-cabaran-guru-pelajar-dan-ibu-bapa>
- [4] Chua, Y. P. (2012). *Mastering Research Method*. McGraw-Hill Education. 105.
- [5] Ehwan Ngadi (2021). *COVID19: Implikasi Pengajaran dan Pembelajaran Atas Talian*. Retrieved from: <https://www.usim.edu.my/news/in-our-words/covid19-implikasi-pengajaran-dan-pembelajaran-atas-talian/>
- [6] Hussin, R. (2021). *Pembelajaran dalam talian sebagai norma baharu*. Retrieved from: <https://www.usim.edu.my/news/in-our-words/pembelajaran-dalam-talian-sebagai-norma-baharu/>
- [7] Ismail, A. (2018). Strategi Pengajaran Pendidikan Islam Di Sekolah Menengah Daerah Besut, Terengganu. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 10(2), 11-21. Retrieved from: <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PERS/article/view/1782>
- [8] Ismail, A., Osman, K. & Hassan, N. H. (2020). Cabaran Pengajaran Dan Pembelajaran Tasmik Hafazan Al-Quran Secara Atas Talian Sewaktu Pandemik Covid-19. *Bicara Dakwah Kali Ke 21: Dakwah Dalam Talian Semasa Pandemik*. 110-116. Retrieved from: <http://www.ukm.my/bicaradakwah/wp-content/uploads/2020/11/BD21-10.pdf>
- [9] Kamarul Azmi Jasmi & Ab. halim. (2007). *Pendidikan Islam, Kaedah Pengajaran & Pembelajaran*, Johor Cetak Ratu Sdn. Bhd.

- [10] Kearsley, Lynch. W dan Wizer D. (1995). *"The effective & impact of online learning in graduate education."* Education Technology.
- [11] Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). Manual Pengajaran dan Pembelajaran dari Rumah. Retrieved from: <https://www.moe.gov.my/muat-turun/lain-lain/manual-pdp-di-rumah/3727-manual-pdpdr/file>
- [12] Kuppusamy, Y. & Norman, H. (2021). Kemahiran Teknologi dan Kesediaan Melaksanakan Pembelajaran dan Pemudahcaraan Dalam Talian Semasa Era Pandemik Dalam Kalangan Guru di Sekolah Rendah Tamil. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 428-441. Retrieved from: <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/12937/6671>
- [13] Merican, S. (2005). *Penyelidikan Sains Sosial*. Prentice Hall.
- [14] Mohd Najib. H, Abu Bakar. N. R & Othman. N. (2016). *E pembelajaran dalam kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi*. [Pembentangan Kertas Kerja]. The 3rd International Conference on Management & Muamalah 2016 (3rd ICoMM). Kolej Universiti Islam Anatarabangsa Selangor. (182-194) Retrieved from: <http://conference.kuis.edu.my/icommm/3rd/e proceedings/IC-018.pdf>
- [15] Nor Hidayati Mokhtar (2020). *Pembelajaran atas talian untuk pembelajaran sepanjang hayat*. Retrieved from: <https://news.utm.my/ms/2020/04/pembelajaran-atas-talian-untuk-pembelajaran-sepanjang-hayat/>
- [16] Salleh, M., Jamaludin, M. F., Mohd Safie, N. S. & Mohd Yusof, J. (2021). Tinjauan Keberkesanan Pembelajaran Secara dalam Talian Ketika Pandemik Covid-19: Perspektif Pelajar Sains Kejuruteraan Politeknik Ibrahim Sultan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 374-384. Retrieved from: <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/12591/6307>
- [17] Tamuri, A. H & Nik Yusoff, N. M. R. (2010). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. UKM Press.
- [18] Sigit Trihariyanto, Eko Supriyanto, Muthoifin, Zahrotul Uyun. (2012). Strategi Pembelajaran Inovatif Pendidikan Agama Islam Dengan Media Powerpoint dalam Meningkatkan Mutu Pendidikan di Sdit Muhammadiyah Sinar Fajar Cawas dan Sd Muhammadiyah Pk Baya. *Jurnal Studi Islam*, 21(1), 109-120. Retrieved from: <http://journals.ums.ac.id/index.php/profetika/article/download/11653/5831>